

KERAJAAN NEGERI KELANTAN**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN****BILANGAN 5 TAHUN 2015****DASAR PINDAHMILIK KEPADA ORANG-ORANG BUKAN MELAYU
DI BAWAH BAB 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU DAN ATAU KEPADA
ORANG-ORANG BUKAN ANAK KELANTAN DI BAWAH
SEKSYEN 104 ENAKMEN TANAH KELANTAN 1938**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan kali ke 3/2015 yang bersidang pada 14 Rabiul Akhir 1436H bersamaan 04 Februari 2015 telah membuat keputusan untuk mengenakan bayaran sumbangan pembangunan bagi pindahmilik tanah atau pindahmilik pajakan atau perletakhakan atau seumpamanya kepada Orang-orang Bukan Melayu di bawah Bab 13A Enakmen Rizab Melayu 1930 dan atau kepada Orang-orang Bukan Anak Kelantan di bawah Seksyen 104 Enakmen Tanah Kelantan 1938.

2. Matlamat utama dasar ini adalah untuk menjaga kepentingan pemilikan eksklusif bagi orang-orang Melayu dan bagi Anak Kelantan sama ada di dalam Rizab Melayu atau di luar Rizab Melayu.

3. Bagi tujuan pemakaian pekeliling ini hendaklah tidak termasuk mana-mana orang atau badan atau syarikat atau seumpamanya yang lahir di Kelantan atau mereka yang tinggal di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun dan menetap di Kelantan. Bagi badan atau syarikat hendaklah berdaftar dan beroperasi di Kelantan sekurang-kurangnya 15 tahun.

4. Kadar sumbangan pembangunan ini dikenakan ke atas pindahmilik yang melibatkan perubahan jenis hakmilik dan tanpa perubahan jenis hakmilik bagi permohonan baru dan permohonan yang telah diluluskan tetapi belum didaftarkan hakmilik.

5. Kadar sumbangan yang dikenakan adalah berasaskan kepada nilai tanah semasa iaitu sebagaimana berikut :

Nilaian Tanah Semasa

Kadar Sumbangan Pembangunan

RM 100,000.00 pertama atau kurang.

5% daripada nilai tanah.

Mana-mana jumlah daripada baki RM 100,000.00 tetapi tidak melebihi RM 500,000.00


3% daripada baki tersebut.

Mana-mana jumlah daripada baki seterusnya yang melebihi RM 500,000.00

3% daripada baki tersebut.

6. Kaedah pengiraan kadar sumbangan pembangunan adalah sebagaimana Lampiran I dan Lampiran II.

7. Pekeliling ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan hendaklah mengambil maklum dan tindakan sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.


.....
(~~DATUK~~ **HAJI NAZRAN BIN MUHAMMAD**) D.P.S.K. KELANTAN
PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN

KEPADA :

Yang Amat Berusaha,

Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA :

YAB Ustaz Dato' Menteri Besar Kelantan

YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan

YB Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan

YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan

YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan

YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

NEGERI KELANTAN

BLOK 3, KOMPLEKS KOTA DARULNAIM

15576 KOTA BHARU

KELANTAN.

FAIL : PTG.KN.16/4/24 (13)

FAIL KERTAS : PTG.KN.4/2/109 (6)

BERTARIKH : 25 RABIUL AKHIR 1436H

15 FEBRUARI 2015

LAMPIRAN 1:

KAEDAH PENGIRAAN PINDAHMILIK KEPADA BUKAN MELAYU DAN ATAU BUKAN ANAK KELANTAN YANG MELIBATKAN PERUBAHAN JENIS HAKMILIK

Nilaian Tanah : RM 650,000.00 per lot.

1. Pengiraan Premium Pembangunan (sebagaimana Pekeliling PTG bil.2/2013)

(i)	RM 100,000.00 pertama	= 1% x RM 100,000.00
		= RM 1,000.00
(ii)	Mana-mana jumlah daripada baki tetapi tidak melebihi RM 500,000.00	= 2% x RM 500,000.00
		= RM 10,000.00
(iii)	Mana-mana jumlah daripada baki seterusnya yang melebihi RM 500,000.00	= 3% x RM 50,000.00
		= RM 1,500.00
	Jumlah Premium Pembangunan	= (i) + (ii) + (iii)
		= RM 1,000.00+RM 3,000.00+RM1,500.00
		= RM 5,500.00

2. Pengiraan Sumbangan Pembangunan

(i)	RM 100,000.00 pertama	= 5% x RM 100,000.00
		= RM 5,000.00
(ii)	Mana-mana jumlah daripada baki tetapi tidak melebihi RM 500,000.00	= 3% x RM 500,000.00
		= RM 15,000.00
(iii)	Mana-mana jumlah daripada baki seterusnya yang melebihi RM 500,000.00	= 3% x RM 50,000.00
		= RM 1,500.00
	Jumlah Sumbangan Pembangunan	= (i) + (ii) + (iii)
		= RM5,000.00+RM15,000.00+RM1,500.00
		= RM 21,500.00

3. Jumlah kutipan

$$\begin{aligned} &= 1 + 2 \\ &= RM 5,500.00 + RM 21,500.00 \\ &= \underline{\underline{RM 27,000.00}} \end{aligned}$$

LAMPIRAN 2:

**KAEDAH PENGIRAAN PINDAHMILIK KEPADA BUKAN MELAYU DAN ATAU BUKAN
ANAK KELANTAN YANG MELIBATKAN TANPA PERUBAHAN JENIS HAKMILIK**

Nilaian Tanah : RM 650,000.00 per lot.

1. Pengiraan Sumbangan Pembangunan

(iii) RM 100,000.00 pertama = 5% x RM 100,000.00
= RM 5,000.00

(iv) Mana-mana jumlah daripada = 3% x RM 500,000.00
baki tetapi tidak melebihi = RM 15,000.00
RM 500,000.00

(iii) Mana-mana jumlah daripada = 3% x RM 50,000.00
baki seterusnya yang melebihi = RM 1,500.00
RM 500,000.00

Jumlah Sumbangan Pembangunan = (i) + (ii) + (iii)
= RM5,000.00+RM15,000.00+RM1,500.00
= RM 21,500.00

Jumlah Kutipan = RM 21,500.00